PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN

Kadar faedah kekal stabil

Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) dalam mesyuaratnya telah memutuskan untuk mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) pada 3.25% pada suku pertama 2015. Pada paras semasa OPR ini, keadaan monetari terus menyokong aktiviti ekonomi.

Berikutan OPR yang tidak berubah, kadar antara bank semalaman purata secara relatif stabil pada suku itu, dan bergerak dalam julat 3.14% hingga 3.25% sepanjang tempoh 1 Januari hingga 31 Mac 2015. Kadar antara bank bagi tempoh matang jangka pendek lain (kurang dari 1 bulan) juga secara relatif stabil. Kadar antara bank bagi tempoh matang yang lebih panjang terus meningkat pada bulan Januari, mencerminkan peningkatan kos pendanaan bank ekoran persaingan lebih sengit untuk pendanaan yang stabil dalam keadaan pertumbuhan deposit yang lebih perlahan disebabkan aliran keluar bersih. Namun, susulan pengumuman Bank Negara Malaysia pada 30 Januari 2015 mengenai pengaturan untuk memudahkan peralihan kepada pelaksanaan sepenuhnya Nisbah Perlindungan Mudah Tunai (Liquidity Coverage Ratio, LCR) menjelang tahun 2019, Kadar Antara Bank Kuala Lumpur Ditawarkan (Kuala Lumpur Interbank Offered Rates, KLIBOR) menjadi sederhana. Pengaturan ini mencakupi langkah memperluas skop pengiktirafan aset mudah tunai berkualiti tinggi (high-quality liquid assets, HQLA) dan penjelasan lanjut mengenai olahan jangkaan aliran keluar tunai bank-bank, yang telah membantu meredakan tekanan pendanaan. Bagi suku pertama secara keseluruhannya, kadar KLIBOR 3 bulan menurun daripada 3.86% kepada 3.73%. Kadar swap kadar faedah dan kadar niaga hadapan KLIBOR 3 bulan lebih rendah pada suku pertama, kerana jangkaan awal mengenai kenaikan kadar faedah terus reda.

Kadar deposit runcit stabil pada suku pertama. Kadar deposit tetap (FD) disebut purata bank perdagangan secara relatif tidak berubah.

Kadar deposit tetap purata bank perdagangan untuk tempoh antara 1 hingga 12 bulan masing-masing dalam julat 3.08% hingga 3.30%.

Kos peminjaman bagi ekonomi pada keseluruhannya stabil sepanjang suku pertama. Pada 2 Januari 2015, Kadar Asas (Base Rate, BR) menggantikan kadar pinjaman asas (base lending rate, BLR) sebagai kadar rujukan utama bagi kemudahan pinjaman dan pembiayaan runcit kadar terapung baharu. Selepas diperkenalkan, kadar purata BR bank-bank adalah pada 3.90% dan kekal sehingga 31 Mac 2015. Peralihan kepada BR tidak memberikan kesan pada kadar peminjaman runcit, dengan

Kadar Faedah

	2014		2015
	S1	S4	S1
	Pada akhir tempoh (%)		
Kadar Dasar Semalaman (OPR)	3.00	3.25	3.25
Kadar antara bank			
Semalaman	3.00	3.23	3.24
1 bulan	3.06	3.38	3.28
Kadar berian pinjaman asas (BLR)			
Bank perdagangan	6.53	6.79	6.79
Kadar asas (BR)			
Bank perdagangan	-	-	3.90
Kadar pinjaman purata (ALR) berwajaran			
Bank perdagangan	5.39	5.51	5.48
Kadar deposit tetap			
Bank perdagangan			
1 bulan	2.91	3.08	3.08
12 bulan	3.15	3.31	3.30

Sumber: Bank Negara Malaysia

Purata Wajaran Harian bagi Kadar Antara Bank Semalaman



Sumber: Bank Negara Malaysia

kebanyakan bank utama mengekalkan kadar pinjaman efektif yang sama di bawah BLR dan BR. Ini dicerminkan oleh kadar peminjaman purata bank perdagangan yang stabil pada 5.48% pada akhir suku pertama.

Kadar Pinjaman Bank Perdagangan (Pada akhir tempoh)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Niaga Hadapan KLIBOR 3 Bulan



Sumber: Bursa Malaysia

Swap Kadar Faedah: Kadar Faedah



Sumber: Bloomberg

M3 terus berkembang

Agregat monetari terus berkembang pada suku pertama. Wang secara kecil atau M1 meningkat sebanyak RM13.9 bilion pada suku itu. Pada asas tahunan, M1 berkembang 10.2% pada akhir bulan Mac (akhir bulan Disember 2014: 5.7%). Wang secara luas atau M3 meningkat sebanyak RM35.9 bilion pada asas suku tahunan untuk mencatat kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 7.9% pada akhir bulan Mac (akhir bulan Disember 2014: 7.0%).

Peningkatan M3 pada suku pertama didorong terutamanya oleh pemberian kredit yang terus berkembang kepada sektor swasta oleh sistem perbankan. Walau bagaimanapun, peningkatan wang secara luas diimbangi sebahagiannya oleh tuntutan bersih yang lebih rendah terhadap Kerajaan dan aset asing bersih yang lebih rendah.

Dalam sistem perbankan, keadaan mudah tunai kekal lebih daripada mencukupi pada peringkat institusi dan seluruh sistem. Paras lebihan mudah tunai yang ditempatkan di Bank Negara Malaysia adalah lebih rendah sedikit pada suku itu disebabkan oleh aliran keluar sektor luaran.

Agregat Monetari



Sumber: Bank Negara Malaysia

Mudah Tunai Terkumpul di Bank Negara Malaysia (Pada akhir tempoh, RM bilion)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Penentu Wang Secara Luas, M3

	Perubahan pada tempoh			
	2014			2015
	S1	S4	Tahun	S1
	RM bilion			
M3	**21.7**	**49.9**	**101.5**	**35.9**
Tuntutan bersih terhadap Kerajaan	7.0	18.2	34.3	-4.6
Tuntutan terhadap sektor swasta	24.3	40.8	118.0	28.3
Pinjaman	*24.6*	*38.4*	*111.4*	*25.2*
Sekuriti	*-0.3*	*2.4*	*6.6*	*3.1*
Aset asing bersih[1]	3.8	-28.1	-19.3	-1.9
BNM	*-18.0*	*-28.5*	*-44.1*	*-25.0*
Sistem Perbankan	*21.8*	*0.4*	*24.8*	*23.1*
Pengaruh lain	-13.5	19.0	-31.5	14.2

[1] Sebelum penilaian semula
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Aktiviti pembiayaan sektor swasta terus kukuh pada suku pertama

Pada suku pertama, jumlah pembiayaan kasar yang diperoleh sektor swasta melalui sistem perbankan dan pasaran modal berjumlah RM282.5 bilion (S4 2014: RM309.8 bilion). Pada asas bersih, pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS) terkumpul berkembang 8.3% pada akhir bulan Mac (akhir bulan Disember 2014: 8.8%).

Pemberian pinjaman bersih kepada perniagaan oleh sistem perbankan meningkat sebanyak RM9.8 bilion pada suku pertama (S4 2014: RM17.7 bilion). Pada asas tahunan, pinjaman perniagaan terkumpul meningkat pada kadar lebih perlahan sebanyak 8.9% pada akhir bulan Mac (akhir bulan Disember 2014: 9.4%). Namun begitu, pinjaman yang dikeluarkan kepada perniagaan pada suku itu kekal kukuh, dengan paras kredit lebih tinggi diberikan terutamanya kepada sektor *kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan; perlombongan dan kuari;* serta *pendidikan, kesihatan dan lain-lain*. Khususnya, pembiayaan untuk PKS terus teguh, dengan pinjaman PKS terkumpul berkembang 17.2% pada akhir bulan Mac (akhir bulan Disember 2014: 14.0%). Di samping itu, paras pengeluaran pinjaman kepada PKS terus tinggi, dengan pengeluaran pinjaman RM3.9 bilion lebih berbanding dengan suku sebelumnya.

Pembiayaan bersih kepada sektor isi rumah meningkat sebanyak RM16.3 bilion pada suku pertama (S4 2014: RM17.9 bilion). Pada asas tahunan, pertumbuhan pinjaman isi rumah terkumpul kekal stabil pada 9.8% pada akhir bulan Mac (akhir bulan Disember 2014: 9.9%).

Pembiayaan Kasar Sektor Swasta Melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pemberian Pinjaman Bank kepada PKS



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pembiayaan Sektor Swasta Melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal

	Pada tempoh (RM bilion)				Pertumbuhan tahunan (%)			
	2014			2015	2014			2015
	S1	S4	Tahun	S1	S1	S4	Tahun	S1
Jumlah pembiayaan kasar	**282.2**	**309.8**	**1,175.2**	**282.5**	**16.1**	**3.3**	**12.3**	**0.1**
Pengeluaran pinjaman	258.4	287.7	1,073.9	267.3	17.4	12.2	13.2	3.5
PDS kasar[1]	19.6	21.2	82.1	10.5	-11.1	-41.2	0.0	-46.5
Ekuiti	4.2	1.0	19.2	4.7	320.7	-87.1	19.6	11.3
Jumlah pembiayaan bersih (A)+(B)	**32.3**	**52.4**	**144.2**	**26.0**	**9.6**	**8.8**	**8.8**	**8.3**
Sistem perbankan	22.1	44.3	121.3	23.7	9.7	9.2	9.2	9.2
*Pinjaman terkumpul (A)**	*21.0*	*41.6*	*114.1*	*22.2*	*10.2*	*9.3*	*9.3*	*9.2*
Pemegangan PDS	*1.1*	*2.7*	*7.3*	*1.5*	*3.4*	*7.9*	*7.9*	*8.2*
PDS terkumpul (B)	11.3	10.8	30.1	3.8	7.7	7.3	7.3	5.4
Memorandum								
PDS kasar[2]	20.5	21.6	85.5	10.9	-9.1	-40.1	2.0	-46.8

* Pinjaman sistem perbankan termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas
[1] Tidak termasuk Cagamas dan terbitan asing
[2] Termasuk Cagamas dan terbitan asing
Nota: Angka-angka tidak terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Penunjuk Pinjaman

	Pada tempoh (RM bilion)				Pertumbuhan tahunan (%)			
	2014			2015	2014			2015
	S1	S4	Tahun	S1	S1	S4	Tahun	S1
Jumlah								
Permohonan pinjaman	185.7	210.1	822.1	178.5	-0.8	-0.2	0.2	-3.9
Kelulusan pinjaman	91.2	106.4	401.4	94.0	4.3	8.6	2.3	3.1
Pengeluaran pinjaman	258.4	287.7	1,073.9	267.3	17.4	12.2	13.2	3.5
Bayaran balik pinjaman	245.9	258.5	996.5	255.5	18.4	12.8	15.6	3.9
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	21.0	41.6	114.1	22.2	10.2	9.3	9.3	9.2
Antaranya:								
Perusahaan perniagaan[1,2]								
Permohonan pinjaman	86.3	100.4	386.2	78.4	1.9	12.7	7.6	-9.1
Kelulusan pinjaman	34.8	46.1	160.0	39.9	0.9	24.5	3.4	14.5
Pengeluaran pinjaman	184.0	209.9	770.3	189.0	23.3	17.6	18.6	2.7
Bayaran balik pinjaman	179.5	192.3	735.5	187.8	24.4	16.7	21.1	4.6
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	11.0	17.7	42.3	9.8	8.7	9.4	9.4	8.9
PKS[1]								
Permohonan pinjaman	43.4	45.5	180.7	42.4	-0.5	-10.8	-7.8	-2.4
Kelulusan pinjaman	15.1	15.8	63.8	15.9	-5.3	-12.8	-10.6	5.6
Pengeluaran pinjaman	55.6	62.1	233.7	66.0	0.2	6.5	3.1	18.9
Bayaran balik pinjaman	52.7	57.5	222.5	60.3	2.1	7.7	5.9	14.4
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	7.1	10.0	27.8	14.6	13.0	14.0	14.0	17.2
Syarikat besar[2]								
Permohonan pinjaman	42.8	54.9	205.5	36.1	4.5	44.1	26.1	-15.8
Kelulusan pinjaman	19.8	30.4	96.2	24.0	6.3	60.2	15.3	21.3
Pengeluaran pinjaman	128.4	147.8	536.6	122.9	37.0	23.0	26.9	-4.3
Bayaran balik pinjaman	126.8	134.8	513.0	127.5	36.9	20.9	29.1	0.5
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	3.9	7.6	14.5	-4.8	5.5	5.7	5.7	2.3
Isi rumah								
Permohonan pinjaman	99.4	109.7	435.9	100.1	-3.1	-9.6	-5.6	0.7
Kelulusan pinjaman	56.3	60.3	241.4	54.1	6.5	-1.1	1.6	-3.9
Pengeluaran pinjaman	74.4	77.8	303.6	78.3	5.1	-0.3	1.6	5.3
Bayaran balik pinjaman	66.3	66.2	261.0	67.7	4.7	2.9	2.4	2.1
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	15.9	17.9	68.9	16.3	11.6	9.9	9.9	9.8

* Pertumbuhan tahunan adalah untuk akhir tempoh.
[1] Termasuk pinjaman kepada perniagaan individu.
[2] Termasuk institusi kewangan domestik, kerajaan, entiti domestik lain dan entiti asing, kecuali perubahan pinjaman terkumpul yang merujuk kepada perniagaan sahaja.
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Pinjaman Mengikut Sektor

	Pengeluaran pinjaman					Pinjaman terkumpul
	Pada tempoh (RM bilion)				Bahagian drpd. jumlah	Bahagian drpd. jumlah
					(%)	
	S1 14	S4 14	2014	S1 15		
Perusahaan perniagaan[1,*]	**184.0**	**209.9**	**770.3**	**189.0**	**70.7**	**42.9**
Syarikat besar[1]	*128.4*	*147.8*	*536.6*	*122.9*	*46.0*	*25.2*
*PKS**	*55.6*	*62.1*	*233.7*	*66.0*	*24.7*	*17.7*
Sektor terpilih[1]						
Pertanian, perburuan, perhutanan dan perikanan	8.7	8.4	31.3	8.8	3.3	2.4
Perlombongan dan kuari	3.5	2.9	12.2	7.0	2.6	0.8
Perkilangan	54.4	54.7	213.4	50.4	18.9	7.3
Pembinaan	16.8	19.2	65.5	17.4	6.5	4.3
Harta tanah	12.9	14.3	51.6	13.3	5.0	6.5
Bekalan elektrik, gas dan air	2.6	2.1	14.0	1.8	0.7	0.8
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	53.7	59.8	221.1	47.0	17.6	7.3
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	5.7	7.2	27.0	6.1	2.3	2.5
Kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan	18.9	29.0	96.2	24.9	9.3	6.8
Isi rumah	**74.4**	**77.8**	**303.6**	**78.3**	**29.3**	**57.1**
Pembelian harta kediaman	19.7	21.7	81.4	21.0	7.9	27.8
Kredit penggunaan	40.3	43.9	167.7	44.3	16.6	17.5
Antaranya:						
Kad kredit	*24.2*	*26.3*	*99.3*	*26.3*	*9.8*	*2.6*
Pembelian kereta penumpang	*9.0*	*9.8*	*37.8*	*10.8*	*4.0*	*10.5*
Lain-lain	14.4	12.1	54.6	13.0	4.9	11.9
Jumlah	**258.4**	**287.7**	**1,073.9**	**267.3**	**100.0**	**100.0**

* Termasuk pinjaman kepada perniagaan individu.
[1] Termasuk institusi kewangan domestik, kerajaan, entiti domestik lain dan entiti asing.
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Dana bersih lebih rendah diperoleh dalam pasaran modal

Dana bersih yang diperoleh dalam pasaran modal menjadi sederhana kepada RM21.0 bilion pada suku pertama (S4 2014: RM26.4 bilion). Penurunan ini disebabkan terutamanya oleh terbitan bersih sekuriti hutang kerajaan dan swasta yang lebih rendah.

Dalam sektor awam, dana bersih yang diperoleh menjadi sederhana kepada RM13.2 bilion (S4 2014: RM15.3 bilion) berikutan penebusan sekuriti kerajaan yang lebih tinggi berjumlah RM13.8 bilion (S4 2014: RM7.5 bilion). Dana diperoleh melalui terbitan baharu Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Security, MGS) 7 tahun dan 10 tahun dan Terbitan Pelaburan Kerajaan (Government Investment Issue, GII) 5 tahun, 7 tahun dan 15 tahun serta pembukaan semula MGS 3 tahun dan 15 tahun. Dana juga diperoleh melalui terbitan Sukuk Perumahan Kerajaan sebanyak RM4.0 bilion.

Dana Bersih yang Diperoleh dalam Pasaran Modal

	2014			2015
	S1	S4	Tahun	S1
	RM bilion			
Oleh Sektor Awam	**24.0**	**15.3**	**49.9**	**13.2**
Terbitan Kasar Sekuriti Kerajaan	27.5	22.8	96.8	27.0
Sekuriti Kerajaan Malaysia	14.5	12.7	51.4	13.5
Terbitan Pelaburan Kerajaan	9.0	6.6	33.9	9.5
Sukuk Pinjaman Perumahan Kerajaan	4.0	3.4	11.5	4.0
Tolak: Penebusan	3.5	7.5	46.9	13.8
Sekuriti Kerajaan Malaysia	-	2.0	26.4	11.8
Terbitan Pelaburan Kerajaan	3.5	5.5	20.5	2.0
Sukuk Pinjaman Perumahan Kerajaan	-	-	-	-
Oleh Sektor Swasta	**15.4**	**11.2**	**50.2**	**7.8**
Saham	4.2	1.0	19.2	4.7
Sekuriti Hutang Swasta, *Bersih*	11.2	10.2	31.0	3.1
Sekuriti Hutang Swasta, Kasar	*20.5*	*21.6*	*85.5*	*10.9*
Tolak: Penebusan	*9.4*	*11.4*	*54.5*	*7.8*
Jumlah	**39.4**	**26.4**	**100.1**	**21.0**

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bursa Malaysia

Dalam sektor swasta, dana bersih yang diperoleh juga lebih rendah pada RM7.8 bilion (S4 2014: RM11.2 bilion), disebabkan terutamanya oleh terbitan bersih PDS yang lebih rendah. Dana yang diperoleh dalam pasaran PDS didorong terutamanya oleh terbitan dalam sektor kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan, yang digunakan untuk membiayai aktiviti baharu. Sementara itu, terbitan ekuiti pada suku pertama adalah lebih tinggi iaitu berjumlah RM4.7 bilion (S4 2014: RM1.0 bilion).

Kadar hasil bon menurun pada suku pertama

Pada suku pertama, kadar hasil MGS mencatat trend menurun dalam keadaan aliran masuk bukan pemastautin berjumlah RM6.1 bilion kembali memasuki pasaran MGS. Bagi suku pertama secara keseluruhan, kadar hasil MGS 3 tahun, 5 tahun dan 10 tahun masing-masing menurun sebanyak 30, 25, 25 mata asas. Dalam pasaran PDS, kadar hasil bon korporat kekal secara relatif stabil disebabkan permintaan yang berterusan oleh pelabur domestik.

Urus niaga sekunder dalam pasaran bon meningkat

Jumlah urus niaga dalam pasaran sekunder meningkat kepada RM238.4 bilion pada suku tersebut (S4 2014: RM181.2 bilion), mencerminkan aktiviti dagangan institusi kewangan dan pelabur bukan pemastautin yang meningkat dan berterusan. Peningkatan urus niaga ini tertumpu terutamanya pada dagangan MGS dan GII, masing-masing mencatat nisbah mudah tunai yang lebih tinggi pada 0.42 dan 0.38. Nisbah mudah tunai dalam segmen PDS secara relatif kekal tidak berubah pada 0.06.

Terbitan PDS Mengikut Tujuan (% daripada jumlah)



[1] Termasuk terbitan oleh bukan pemastautin dan Cagamas dan untuk tujuan modal kerja dan aktiviti perniagaan am.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Arah Aliran Kadar Hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia



Sumber: Bank Negara Malaysia

Kadar Hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia 5 tahun dan Kadar Hasil Sekuriti Hutang Swasta 5 tahun



Sumber: Bank Negara Malaysia

Nisbah Mudah Tunai: Nilai Bon yang Diurusniagakan / Nilai Terkumpul



Sumber: Bank Negara Malaysia

Prestasi Pasaran Ekuiti Global dan Serantau Terpilih pada 2015 (% pertumbuhan suku tahunan)



Sumber: Bloomberg dan pengiraan oleh Bank Negara Malaysia

FBM KLCI meningkat pada suku pertama seiring dengan pasaran serantau

Pada suku pertama, FBM (FTSE Bursa Malaysia) KLCI meningkat 3.9% untuk ditutup pada 1,830.8 mata (akhir bulan Disember 2014: 1,761.3 mata). Peningkatan ini didorong terutamanya oleh permintaan lebih tinggi pelabur domestik, disokong oleh pengumuman tentang perolehan korporat yang kukuh untuk suku keempat 2014. Sejajar dengan trend dalam pasaran global dan serantau, indeks terus meningkat apabila minat pelabur asing kembali semula susulan pengumuman rangsangan monetari tambahan oleh European Central Bank.

Secara keseluruhan, permodalan pasaran meningkat kepada RM1.74 trilion pada akhir bulan Mac 2015 (akhir bulan Disember 2014: RM1.65 trilion) manakala urus niaga purata harian meningkat kepada 2.11 bilion unit (S4 2014: 1.94 bilion unit) pada suku itu.

Bursa Malaysia: Penunjuk Pasaran Terpilih

	2014			2015
	Pada akhir			
	Mac	Dis	Tahun	Mac
Indeks harga				
Komposit	1,849.2	1,761.3	1,761.3	1,830.8
FBMEMAS[1]	12,797.6	12,066.3	12,066.3	12,563.4
Pasaran ACE[2]	6,661.3	5,653.4	5,653.4	7,120.2
Permodalan pasaran (RM bilion)	1,719.1	1,651.2	1,651.2	1,737.5
Bilangan syarikat yang disenaraikan	907	906	906	903
	Pada tempoh			
	S1	S4	Tahun	S1
Urus niaga harian purata				
Jumlah (juta unit)	2.046.4	1,944.4	2,157.1	2,107.4
Nilai (RM juta)	2,158.8	1,999.9	2,161.8	2,177.4

[1] FBMEMAS mewakili pasaran indeks FTSE Bursa Malaysia EMAS
[2] Mulai 3 Ogos 2009, pasaran MESDAQ digantikan dengan pasaran ACE

Sumber: Bursa Malaysia

Pada 13 Mei 2015, KLCI ditutup lebih rendah pada 1,803.0 mata (sejak akhir bulan Mac 2015: -1.5%), dengan permodalan pasaran sebanyak RM1.72 trilion (sejak akhir bulan Mac 2015: -0.8%).

Bursa Malaysia: Urus Niaga Pasaran

	2014						2015	
	S1		S4		Tahun		S1	
	Bilion unit	RM bilion	Bilion unit	RM bilion	Bilion unit	RM bilion	Bilion unit	RM bilion
Urus niaga	120.7	127.4	122.5	126.0	530.7	531.8	124.3	128.5
Antaranya:								
Papan Utama	91.3	119.7	85.5	117.3	397.1	501.2	75.8	117.7
Antaranya								
Produk Pengguna	8.4	7.1	5.3	5.2	29.6	26.3	7.4	6.4
Produk Industri	18.9	13.1	13.3	11.2	72.0	52.2	12.8	11.1
Pembinaan	4.0	5.9	3.4	5.7	19.0	26.3	3.7	5.9
Dagangan/Khidmat	33.9	51.9	42.0	56.7	172.0	219.0	32.7	55.4
Kewangan	3.4	18.8	3.1	18.7	13.9	84.9	3.5	21.3
Harta Benda	10.5	7.8	6.1	6.3	41.0	34.6	5.4	4.8
Perladangan	1.7	5.4	1.2	3.6	6.3	19.8	1.0	3.5
Infrastruktur	1.5	4.7	1.3	4.4	5.4	17.2	1.0	4.4
Pasaran ACE[1]	26.8	7.0	30.3	7.3	115.6	27.1	41.2	8.7

[1] Mulai 3 Ogos 2009, pasaran MESDAQ digantikan dengan pasaran ACE

Sumber: Bursa Malaysia

Ringgit menyusut nilai berbanding dengan kebanyakan mata wang utama dan serantau

Ringgit dan mata wang serantau lain terus mengalami turun naik pada suku pertama disebabkan oleh keadaan monetari global yang tidak menentu, lantas menyebabkan aliran keluar pelaburan portfolio. Kebimbangan terhadap prospek ekonomi global ekoran semakan ke bawah unjuran pertumbuhan global pada tahun 2015 oleh institusi kewangan antarabangsa turut menjejaskan sentimen. Ringgit juga terjejas oleh kebimbangan yang berterusan berhubung dengan kesan harga minyak mentah global yang lebih rendah terhadap ekonomi Malaysia. Tekanan penyusutan nilai terhadap ringgit juga disebabkan terutamanya oleh pelupusan pemegangan bil BNM oleh pelabur antarabangsa.

Secara keseluruhan, ringgit menyusut nilai sebanyak 6.0% berbanding dengan dolar Amerika Syarikat (AS) pada suku pertama. Berbanding dengan mata wang utama lain, ringgit menambah nilai berbanding dengan euro (5.9%) dan dolar Australia (1.2%) tetapi menyusut nilai berbanding dengan paun sterling (-1.0%), dan yen Jepun (-5.3%). Berbanding dengan mata wang serantau, ringgit menyusut nilai antara 1.0% hingga 7.0%.

Ringkasan Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Terpilih

Peratus Perubahan (1 Januari - 31 Mac 2015)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Utama



Sumber: Bank Negara Malaysia

Antara 1 April hingga 13 Mei 2015, ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar AS sebanyak 3.1%. Ringgit juga menambah nilai berbanding dengan yen Jepun (2.8%) tetapi menyusut nilai berbanding dengan euro (-0.9%), dolar Australia (-1.5%) dan paun sterling (-2.8%). Ringgit menambah nilai berbanding dengan kebanyakan mata wang serantau.

Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Serantau



Sumber: Bank Negara Malaysia

Aktiviti pasaran derivatif pertukaran asing kekal perlahan manakala aktiviti perlindungan nilai korporat meningkat

Pada suku pertama 2015, aktiviti derivatif pertukaran asing menurun 5.6% berbanding dengan suku sebelumnya disebabkan terutamanya oleh pengurangan aktiviti pasaran swap antara bank. Kos tersirat memperoleh ringgit dalam pasaran pertukaran asing menurun apabila swap mata wang bersilang USD/RM 5 tahun meningkat daripada 73 mata asas pada bulan Disember 2014 kepada 83 mata asas pada bulan Mac 2015. Ini sebahagiannya disebabkan oleh keperluan pendanaan ringgit bagi bank-bank melalui pasaran swap yang berkurang memandangkan kebanyakan bank telah mematuhi keperluan minimum Nisbah Perlindungan Mudah Tunai di bawah Basel III menjelang akhir bulan Mac 2015.

Meskipun jumlah derivatif secara keseluruhan menurun, aktviti perlindungan nilai korporat oleh pemastautin adalah lebih memberangsangkan pada suku pertama 2015. Pengimport telah meningkatkan aktiviti perlindungan nilai pertukaran asing mereka melalui niaga hadapan, opsyen, dan swap, didorong oleh jangkaan bahawa mata wang serantau termasuk ringgit semakin tidak menentu.

Prestasi Ringgit berbanding dengan Mata Wang Terpilih

RM bagi satu unit mata wang asing	Pada akhir tempoh				% perubahan sejak*		
	21 Jul 05	S1 14	S4 14	S1 15	21 Jul 05	S1 14	S4 14
Dolar AS	3.8000	3.2685	3.4950	3.7165	2.2	12.1	-6.0
Euro	4.6212	4.4934	4.2513	4.0153	15.1	11.9	5.9
Paun sterling	6.6270	5.4354	5.4396	5.4935	20.6	-1.1	-1.0
Dolar Australia	2.8823	3.0173	2.8664	2.8329	1.7	6.5	1.2
100 yen Jepun	3.3745	3.1770	2.9255	3.0903	9.2	2.8	-5.3
Dolar Singapura	2.2570	2.5927	2.6449	2.6997	-16.4	-4.0	-2.0
100 baht Thailand	9.0681	10.077	10.627	11.423	-20.6	-11.8	-7.0
100 peso Filipina	6.8131	7.2795	7.8066	8.3111	-18.0	-12.4	-6.1
100 rupiah Indonesia	0.0386	0.0288	0.0281	0.0284	36.1	1.3	-1.0
100 won Korea	0.3665	0.3065	0.3201	0.3342	9.7	-8.3	-4.2
100 dolar Taiwan Baharu	11.890	10.727	11.068	11.874	0.1	-9.7	-6.8
Renminbi China	0.4591	0.5251	0.5637	0.5993	-23.4	-12.4	-5.9

* (+) menunjukkan penambahan nilai ringgit berbanding dengan mata wang berkenaan dan (-) menunjukkan penyusutan nilai.

Sumber: Bank Negara Malaysia